

27 NOV 1998

Mahathir-Keadilan

CERMIN DIRI SEBELUM TUDUH KERAJAAN MALAYSIA TIDAK BERSIKAP ADIL

KOTA KINABALU, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar tindakan sesetengah pihak yang cuba campur tangan dalam urusan pentadbiran negara ini pada hal mereka sendiri tidak menunjukkan teladan yang baik.

"Orang macam ini berani tuduh kita tidak demokratik. Sepatutnya mereka lihat dalam cermin untuk melihat orang yang tidak adil kerana cermin itu akan menunjukkan sebenarnya siapa yang adil dan siapa yang tidak," katanya.

Perdana Menteri juga berkata tuduhan kononnya kerajaan negara ini tidak demokratik sebenarnya berpunca daripada perasaan kecewa apabila "kawan mereka" di negara ini dengan tiba-tiba kerana perkara lain, telah tidak dapat menjadi pemimpin negara.

"Dengan itu mereka pun datang ke Malaysia untuk mengecam kita kononnya kita tidak demokratik dan sebagainya. Sebenarnya mereka ini kecewa kerana setelah dipupuk dan dididik seorang boneka untuk menjadi pemimpin, tiba-tiba dia tidak jadi pemimpin," katanya.

Ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang pada Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) bersama Perdana Menteri di Kompleks Sukan Likas di sini, beliau berkata tindakan pihak berkenaan adalah sesuatu yang tidak wajar.

Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore baru-baru ini mencetuskan kontroversi apabila menyifatkan mereka yang melancarkan apa yang dikatakan gerakan reformasi menentang kerajaan negara ini sebagai "rakyat Malaysia yang berani."

"Negara kita adalah negara yang merdeka dan berdaulat yang mempunyai maruah tetapi kita yang akan menentukan nasib kita.... Pembangunan negara adalah tanggungjawab kita dan sama ada kita berjaya atau tidak, itu adalah soal kita.

"Mereka pun bukan cekap sangat, bukanlah bebas daripada korupsi, mereka juga penipu besar," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata ada juga tuduhan kononnya proses kehakiman di negara ini tidak baik tetapi apabila mereka sendiri melakukan kesalahan dengan seperti "menerima duit semasa pilihan raya", pendakwa raya mereka yang terdiri daripada rakan sendiri telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan siasatan.

AFP dalam laporan yang disiarkan semalam, berkata Peguam Negara AS Janet Reno telah mengumumkan Selasa lepas untuk tidak memulakan siasatan khas mengenai sama ada Al Gore telah melanggar undang-undang ketika melakukan kutipan wang bagi kempen pilihan raya 1996.

"Inikah jenis manusia yang berani datang ke negara kita untuk berkata sistem keadilan di negara kita berat sebelah sedangkan negara mereka menunjukkan dengan jelasnya kalau sesuatu berlaku pada rakan mereka, maka mereka membebaskan rakan itu daripada tuduhan," katanya.

Dr Mahathir berkata, di Malaysia, mereka yang dituduh melakukan kesalahan akan dihadapkan ke mahkamah walaupun dari kalangan pemimpin parti kerajaan.

Sementara itu, Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok mengulangi sokongan terhadap Perdana Menteri berhubung sebarang langkah pemulihan serta mengecam Al Gore kerana mencampuri urusan dalaman negara ini.

"Kita kesal kerana ada pemimpin negara asing yang mendabik dada dan secara terus terang memberi sokongan kepada segelintir perusuh di ibu negara. Syukurlah rakyat Malaysia mempunyai tradisi cintakan keamanan,

keharmonian dan perpaduan. Sebab itulah Malaysia adalah negara bertuah kerana mempunyai rakyat yang mesra dan benci kepada keganasan," katanya.

Beliau juga yakin tindakan segelintir perusuh di ibu negara tidak akan berlaku di Sabah walaupun ada pihak tertentu di negeri itu yang sengaja tidak bersyukur dengan keamanan yang dinikmati selama ini.

"Selaku ketua eksekutif kerajaan negeri Sabah, saya menggesa kepada seluruh rakyat supaya bersama-sama membuktikan bahawa rakyat Malaysia mampu menghadapi apa juga cabaran," katanya.

Pemangku Pengerusi Pergerakan Pemuda Barisan Nasional Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula menyatakan azam pergerakan itu untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam menghadapi sebarang cabaran.

Katanya walaupun kebanyakan daripada anggota pergerakan itu lahir selepas negara mencapai kemerdekaan tetapi keazaman mereka begitu kukuh untuk menentang sebarang bentuk dan usaha penjajahan baru terhadap negara ini.

-- BERNAMA

JS AKD